



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami: JPA.600-21/5/5 (46)
Tarikh : 26 Februari 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg.Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/
Puan,

PELAKSANAAN SISTEM PROFILING DIGITAL KESIHATAN PSIKOLOGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM (MyPsyD)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah membangunkan Sistem Profiling Digital Kesihatan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Awam (MyPsyD) bagi mengenal pasti tahap risiko kesihatan psikologi pegawai. Pengenalpastian risiko tahap kesihatan psikologi ini membolehkan setiap pegawai mengekalkan kesejahteraan di samping mengambil tindakan intervensi yang bersesuaian sekiranya tahap risiko kesihatan psikologi tinggi.

3. Sehubungan itu, bagi menjayakan hasrat mempromosikan kesejahteraan pegawai seperti yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 dan Rukun Malaysia MADANI, semua pegawai adalah **diwajibkan** untuk melengkapkan profiling MyPsyD berdasarkan garis panduan seperti **LAMPIRAN A** melalui pautan <https://mysydyd.jpa.gov.my>. Tempoh pelaksanaan MyPsyD adalah **mulai 1 Mac 2024 hingga 1 Ogos 2024** secara berperingkat mengikut Kementerian/ Jabatan/ Agensi seperti yang dijadualkan dalam **LAMPIRAN B**. Selaras dengan hasrat tersebut, YBhg.Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah **dikehendaki** memastikan **semua pegawai melengkapkan** profiling MyPsyD mengikut **tempoh yang ditetapkan**.

4. Bagi tujuan pelaksanaan, YBhg.Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dipohon untuk melantik Pegawai Penyelaras di Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing dan dimaklumkan kepada Jabatan ini melalui pautan <https://forms.gle/qZNRHsicqTPQ9eGW6>. Peranan Pegawai Penyelaras adalah seperti **LAMPIRAN C**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pegawai-pegawai yang boleh dihubungi adalah seperti berikut:

- i. **Dr. Naniyati binti Shuib**
Tel: 03 8885 5722/ Emel: naniyati.shuib@jpa.gov.my
- ii. **Puan Woo Chiat Sing**
Tel: 03 8885 5281/ Emel: woo.cs@jpa.gov.my


5. Perhatian dan kerjasama YBhg.Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'W. H. D. A.', written over a horizontal line.

(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri

LAMPIRAN A

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM MyPsyD

1. Pengisian profil dilaksanakan secara dalam talian menggunakan pautan <https://mypsyd.ipa.gov.my>. Setiap pegawai **dikehendaki** mengemas kini maklumat **Saringan Kesihatan Kendiri** di dalam sistem HRMIS mengikut urutan berikut:

Halaman Utama> Kemas kini Rekod Peribadi> Kesihatan> Saringan Kesihatan Kendiri.

2. Data yang dikemaskini daripada HRMIS akan disalurkan kepada sistem MyPsyD pegawai.
3. Pegawai hendaklah melengkapkan semua soalan dalam profil MyPsyD dengan menekan butang **Ambil Ujian**.
4. Pegawai akan menerima cadangan tindakan berdasarkan keputusan profiling kesihatan psikologi yang dijawab dalam sistem MyPsyD. Maklumat yang diisi dalam sistem MyPsyD akan disimpan dalam tempoh dua (2) tahun dan pegawai tidak boleh mengulangi ujian tersebut sehingga selepas tempoh dua (2) tahun. **Pegawai dikehendaki untuk mengemas kini semula data profiling setiap dua (2) tahun.**
5. Data raya yang dikumpul akan diselaras dan dipantau oleh urus setia di Bahagian Pengurusan Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi tujuan pemantauan tahap kesihatan psikologi pegawai sepanjang perkhidmatan.
6. Pegawai Psikologi Kementerian/ Jabatan/ Agensi dikehendaki memantau status risiko pegawai yang diperolehi daripada data MyPsyD dengan menghubungi Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA.

LAMPIRAN B

Kementerian/ Jabatan/ Agensi	Tempoh
1. Jabatan Perdana Menteri 2. Kementerian Pertahanan 3. Kementerian Dalam Negeri 4. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya 5. Kementerian Pendidikan Tinggi 6. Kementerian Perpaduan Negara 7. Kementerian Komunikasi 8. Kementerian Digital 9. Kementerian Belia dan Sukan 10. Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air 11. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	1 Mac 2024 – 31 Mac 2024
12. Kementerian Kesihatan Malaysia 13. Kementerian Kewangan 14. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan 15. Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan 16. Kementerian Kerja Raya 17. Kementerian Pengangkutan Malaysia 18. Kementerian Ekonomi	1 April 2024 – 30 April 2024
19. Kementerian Pendidikan Malaysia 20. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 21. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup 22. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi 23. Kementerian Perlindungan dan Komoditi 24. Kementerian Luar Negeri	1 Mei 2024 – 31 Mei 2024

LAMPIRAN B

Kementerian/ Jabatan/ Agensi	Tempoh
25. Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri 26. Kementerian Sumber Manusia 27. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi 28. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	
29. Jabatan Premier Sarawak 30. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor 31. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan 32. Jabatan Ketua Menteri Melaka 33. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang 34. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor 35. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak 36. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan 37. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu 38. Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang 39. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis 40. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah 41. Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah	1 Jun 2024 – 30 Jun 2024
Urusan Penyelarasan Data oleh Urus setia	1 Julai 2024 – 1 Ogos 2024

LAMPIRAN C

TERMA RUJUKAN PEGAWAI PENYELARAS KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI

- a) Memantau dan menyelaras pelaksanaan Sistem Profiling Digital Kesihatan Psikologi Pegawai Perkhidmatan Awam (MyPsyD) di peringkat Kementerian/ Jabatan/ Agensi masing-masing dari segi:
 - i. memastikan pemakluman dan penglibatan semua peringkat warga dalam tempoh pelaksanaan; dan
 - ii. memastikan semua pegawai di Kementerian/ Jabatan/ Agensi melengkapkan profiling MyPsyD.
- b) Menghadiri sebarang sesi libat urus berkaitan sistem MyPsyD.
- c) Bertindak sebagai pegawai penghubung (*single point of contact officer*) di antara Kementerian/ Jabatan/ Agensi dalam sebarang urusan berkaitan pelaksanaan MyPsyD ini.
- d) Bekerjasama dengan Bahagian IT masing-masing untuk memastikan kelancaran pelaksanaan MyPsyD di Kementerian/ Jabatan/ Agensi.
- e) Memastikan warga mengemaskinikan profiling kesihatan psikologi menggunakan sistem MyPsyD setiap dwitahunan (2).